

PERUTUSAN
Y.BHG. DATO' IR HJ ISMAIL BIN MD SALLEH
KETUA PENGARAH, LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA
PADA
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN LLM
BAGI BULAN APRIL 2012

27 APRIL 2012 (JUMAAT)
DEWAN SERBAGUNA LLM

Terima kasih saudara pengacara majlis

Bismillahirrahmanirahim

Y. Berusaha En Mohd Salleh Bin Santhiman
Timb. Ketua Pengarah (Pembangunan)

Y. Berusaha Tn. Hj. Rahim Bin Goon
Timb. Ketua Pengarah (Bisnes)

Y. Berusaha En Mohd Shuhaimi Bin Hassan
Pengarah Kanan Projek (JPP 2)

Y. Berusaha Pn. Zuraida Binti Shahrudin
Pengarah Kanan Pengurusan

Pengarah-pengarah Bahagian LLM

Pegawai-pegawai serta kakitangan LLM sekalian

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan Bulanan bagi bulan April 2012 pada pagi ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

1. Baru-baru ini iaitu pada 19 hingga 21 April yang lepas, Kementerian Kerja Raya telah melaksanakan Bengkel Kajian Semula Pelan Strategik & Hala Tuju KKR bagi tahun 2013 – 2015. Di antara objektif Bengkel ini adalah untuk:

- (i) Mengkaji pencapaian Pelan Strategik tahun 2011-2012;
- (ii) Membincangkan isu-isu utama Kementerian dan Agensi bagi memastikan setiap strategi organisasi tercapai dalam meningkatkan mutu pencapaian dan penyampaian terhadap kepentingan *stakeholders*; dan
- (iii) Penetapan hala tuju KKR 2013 – 2015 supaya bersesuaian dengan *Outcome Based Budgeting (OBB)*

2. Jika satu ketika dahulu kita didedahkan dengan *Modified Budgeting System (MBS)*, kini kita disarankan mengaplikasikan OBB dalam merangka strategi organisasi yang akan mula berkuatkuasa mulai tahun 2013. Dalam pendekatan OBB, **penekanan akan diberikan kepada impak dan keberkesanan** projek dan program berbanding mementingkan perbelanjaan dan *output* semata-mata. Di samping itu, perbelanjaan Kerajaan akan memberi penekanan kepada ***value for money*** serta program dan projek yang mempunyai kesan penggandaan tinggi. Justeru, bagi merealisasikan hasrat Kerajaan ini, kita akan berusaha untuk menyesuaikan agar pelan strategik LLM juga berlandaskan kepada OBB. Dalam hal ini, kita perlu mengenalpasti apakah *Outcome* yang akan kita hasilkan agar ianya selari dengan aktiviti dan strategi Kementerian yang akhirnya akan mencapai sasaran Bidang Keberhasilan Utama Negara.

3. Di dalam Bengkel tersebut, selain membentangkan pencapaian Pelan Strategik Kementerian bagi tahun 2011 hingga awal 2012, peserta Bengkel juga telah merangka Pelan Strategik bagi tahun 2013 hingga 2015. Jika sebelum ini Pelan Strategik KKR mempunyai enam tugas teras, kini ianya telah ditambahbaik dengan menyatukan sebahagian Teras dan memperkenalkan Teras baru. Pengurusan Penswastan Lebuh Raya merupakan Teras Ke-4 dalam Pelan Strategik KKR sebelum ini dan telah disatukan ke dalam Teras Pertama Yang kini dikenali sebagai Pembangunan Infrastruktur Jalan & Pengurusan Penswastan Lebuh Raya. Satu Teras baru juga telah diperkenalkan iaitu Pengurusan Kementerian Kerja Raya.

4. Semasa Bengkel tersebut, LLM telah mencadangkan strategi - strategi baru bagi Teras Pembangunan Infrastruktur Jalan & Pengurusan Penswastan Lebuh Raya iaitu:-

- (i) Menerbitkan 10 garis panduan baru dan mengemaskini 5 garis panduan sediaada sehingga 2015; dan
- (ii) Memastikan penyenggaraan dan operasi lebuhraya yang selamat dan selesa kepada pengguna

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Dunia sekarang sedang dilanda pelbagai cabaran seperti keadaan ekonomi global yang tidak menentu ekoran krisis ekonomi di Amerika Syarikat dan *Euro-zone*, bencana alam yang dahsyat di Jepun, Thailand dan lain-lain tempat serta pergolakan politik dan ketenteraan di negara Timur Tengah. Lanjutan dari keadaan ini, Kerajaan telah berusaha untuk menjamin kelangsungan pertumbuhan ekonomi, sosio-ekonomi,

sosial dan sosio-budaya yang mampan dan mantap. “*These are uncertain times*” dan kita sebagai penjawat awam perlu bersatu padu untuk menyokong usaha Kerajaan untuk menghadapi cabaran-cabaran yang hebat ini demi masa depan kita semua.

6. Hari ini konsep penyampaian perkhidmatan telah banyak berubah. Antara perubahannya adalah ekspektasi rakyat yang semakin meningkat di samping tuntutan terhadap ketelusan dan akauntabiliti. Justeru, dengan mengambilkira perkara-perkara ini, Kerajaan akan terus berusaha untuk mentransformasikan negara kita ke arah yang lebih baik daripada dahulu supaya kita dapat terus menikmati hasil pembangunan serta mengecapi kualiti hidup yang tinggi. Oleh yang demikian, bagi merealisasikan hasrat Kerajaan ini, di peringkat agensi, kita perlu mentransformasikan minda dan budaya bekerja seharian. *We must change for the better.*

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Semenjak menerajui negara pada tahun 2009, YAB Perdana Menteri Malaysia telah menggariskan falsafah “*people-centric*” atau berpaksikan rakyat, “**1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**’. Kemudian, disusuli dengan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (*GTP*) dengan 7 *NKRA*, Program Transformasi Ekonomi (*ETP*) dengan 12 *NKEA*, Model Baru Ekonomi (*MEB*) dengan 8 *SRI* bagi membolehkan Malaysia muncul menjadi sebuah negara yang maju, moden dan progresif.

8. Kerajaan juga sedang mengubah peranan dan pendekatannya dengan bertindak sebagai “**pemudahcara**” atau “*facilitator*” kepada pelanggan atau rakyat yang memerlukan perkhidmatan yang bermutu. Oleh yang demikian, Kerajaan telah menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru atau *Blue Ocean Strategy* dalam melaksanakan tugas transformasi korporat bagi menjayakan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Pendekatan *Blue Ocean Strategy* mampu menguruskan organisasi secara kreatif dan inovatif. Ukuran prestasi perkhidmatan awam didasarkan kepada “*outcomes*” atau impak keberhasilan perkhidmatan yang memberi kepuasan kepada pelanggan dan “*stakeholder*”. Pendekatan *Blue Ocean Strategy* berganjak dari kebiasaan kepada yang luar biasa dalam melakukan kerja serta menghasilkan inovasi nilai. Nilai yang dinikmati pelanggan ialah hasil daripada ketangkasan, ketepatan dan keberhasilan kerja.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. *Blue Ocean Strategy* ini boleh juga boleh dilaksanakan di LLM. Warga LLM perlu berani melakukan perubahan, berinovasi tinggi, kreatif dan mengamalkan “*creative*” atau “*lateral thinking*” yang juga dikenali sebagai “*thinking out-of-the-circle*”, yang mengambil-kira pelbagai perspektif. Ini adalah bagi mengelakkan kita daripada terus bekerja secara *silo*. Kita perlu meningkatkan budaya kerja semasa, mengamalkan pengurusan nilai dalam pengurusan kewangan yang berintegriti dan seterusnya memberikan pulangan atau *output* yang optimum kepada seluruh rakyat.

10. Selain itu, kita boleh melaksanakan kerjasama erat dengan syarikat konsesi lebuhraya dalam mengoptimalkan penggunaan sumber masing-masing agar ianya dapat digunakan secara cekap dan berkesan. Contohnya perkongsian program pembangunan kompetensi di mana pegawai atau kakitangan dari LLM boleh menyertai program pembangunan kompetensi yang dianjurkan oleh syarikat konsesi. Kita juga boleh menggunakan kemudahan infrastruktur yang dibangunkan oleh agensi lain bagi melaksanakan program pembangunan kompetensi warga LLM. Perkongsian sumber ini walaupun daripada organisasi berbeza tetapi ianya dilihat berupaya menjimatkan kos yang terpaksa ditanggung oleh LLM sebelum ini. Kita percaya kos yang diijimatkan melalui perkongsian sumber dan tenaga kerja ini dapat diguna untuk melaksanakan projek lain bagi manfaat organisasi dan kakitangan.

11. Saya yakin melalui *Blue Ocean Strategy* ianya bukan saja mampu menjimatkan kos, malah lebih penting berupaya mengeratkan kerjasama antara Kementerian, syarikat konsesi dan agensi kerajaan yang terbabit dalam pelaksanaan strategi ini. Jika sebelum ini, agensi seperti ATM, Jabatan Penjara, mahupun pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dilihat sentiasa bersaing dan mempunyai mekanisme tersendiri dalam melaksanakan tugas, kini wujud lebih persefahaman antara satu sama lain.

12. Akhir sekali, saya ingin menyeru kepada warga LLM supaya dengan pelbagai pendekatan atau strategi yang akan dilaksanakan, kita semua secara kolektif, terus komited di dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan ke arah menjadikan LLM sebagai sebuah *towering-Agency*, yang unggul dan disegani oleh semua pihak. Saya

yakin dan percaya, sekiranya kita semua komited di dalam menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan, maka *outcome* yang kita sasarkan akan berjaya dicapai serta dipertingkatkan.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum WBT